

KEPENTINGAN GARIS PANDUAN BAGI UMAT ISLAM DALAM MENGHADIRI MAJLIS MASYARAKAT BUKAN ISLAM DALAM KONTEKS KEHARMONIAN DAN TOLERANSI BERAGAMA

THE IMPORTANCE OF GUIDELINES FOR MUSLIMS IN ATTENDING NON-MUSLIM COMMUNITY EVENTS IN THE CONTEXT OF HARMONY AND RELIGIOUS TOLERANCE

Bushrah Basiron¹

¹Faculty of Social Sciences and Humanities (UTM), Malaysia
(E-mail: bushrah@utm.my)

Article history

Received date : 10-2-2025
Revised date : 11-2-2025
Accepted date : 19-3-2025
Published date : 27-3-2025

To cite this document:

Basiron, B. (2025). Kepentingan garis panduan bagi umat Islam dalam menghadiri majlis masyarakat bukan Islam dalam konteks keharmonian dan toleransi beragama. *Journal of Islamic, social, economics and development (JISED)*, 10 (71), 365-379.

Abstrak: Dalam menyantuni masyarakat majmuk di Malaysia, terdapat pelbagai isu yang timbul akibat tindakan sesetengah umat Islam yang bertentangan dengan agama. Hal ini berlaku kerana kurangnya didikan, pengetahuan dan pemahaman agama serta toleransi yang berlebihan dalam kalangan mereka. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan kepentingan garis panduan bagi umat Islam dalam menghadiri majlis masyarakat bukan Islam dengan mengambilkira tahap penguasaan ilmu agama umat Islam yang berbeza, kepentingan menjaga akidah dan menjaga agama menurut Maqasid Syariah, kepentingan sifat warak dalam menjaga agama di samping mengetengahkan implikasi jika bertindak membelakangkan ajaran agama atas nama toleransi. Oleh itu, diharapkan artikel yang menggunakan kaedah dokumentasi dan penelitian ini dapat menyuntik kesedaran dan menonjolkan kepentingan garis panduan bagi umat Islam dalam menghadiri majlis orang bukan Islam agar akidah terpelihara dan agama terbela tanpa menjelaskan keharmonian bersama.

Kata kunci: Masyarakat Majmuk, Garis Panduan, Akidah, Toleransi

Abstract: In addressing the multicultural society in Malaysia, various issues arise due to the actions of some Muslims that contradict religious teachings. This occurs due to a lack of education, religious knowledge, and understanding, as well as excessive tolerance among them. Therefore, this article discusses the importance of guidelines for Muslims in attending non-Muslim community events by considering differences in religious knowledge, the necessity of safeguarding faith and religion according to Maqasid Shariah, and the significance of piety in preserving religion. Additionally, it highlights the implications of disregarding religious teachings in the name of tolerance. Hence, this article, which employs documentation and

analytical methods, aims to raise awareness and emphasize the importance of guidelines for Muslims attending non-Muslim events to ensure the preservation of faith and protection of religion without compromising social harmony.

Keywords: Multiracial Society, Guidelines, Faith (Akidah), Tolerance

Pendahuluan

Masyarakat majmuk di Malaysia hidup dikelilingi kepelbagaian budaya dan agama. Hal ini demikian kerana mereka terdiri daripada pelbagai kaum dan kepercayaan yang hidup bersama dalam keadaan aman dan harmoni. Dalam konteks ini, bukan sesuatu yang asing jika umat Islam sering dijemput untuk menghadiri majlis masyarakat bukan Islam, seperti perayaan keagamaan dan budaya, majlis perkahwinan, atau upacara tradisional. Namun, bagi memastikan kehadiran mereka tidak bercanggah dengan prinsip dan syariat Islam, garis panduan yang jelas daripada intitusi agama adalah amat diperlukan agar tidak berlaku fitnah terhadap agama dan umat Islam.

Pada masa kini, terdapat pelbagai isu dan masalah yang timbul apabila sesetengah umat Islam menunjukkan sikap toleransi dan keterbukaan yang berlebihan hingga membelakangkan agama. Kesannya, berlaku pelbagai kontroversi akibat tindakan yang bertentangan dengan prinsip agama Islam. Hal ini berlaku kerana kurang didikan, kurang pengetahuan dan fahaman agama serta sikap tidak ambil berat terhadap hukum hakam agama Islam. Walaupun terdapat di negeri tertentu contohnya negeri Johor yang menyediakan garis panduan bagi umat Islam berkaitan majlis orang bukan Islam, namun garis panduan di peringkat nasional belum dapat dilaksanakan. Atas sebab yang demikian, pihak JAKIM telah bercadang untuk menyediakan garis panduan tersebut secara menyeluruh namun malangnya mendapat tentangan dan kritikan dari pelbagai pihak.

Oleh kerana itu, artikel ini disusun untuk menyerlahkan kepentingan dan keperluan garis panduan bagi umat Islam dalam menghadiri majlis masyarakat bukan Islam bagi mengelakkan berlakunya kesilapan dan tindakan yang menyalahi agama. Kajian yang menggunakan kaedah dokumentasi dan penelitian ini diharapkan dapat memberikan kesedaran dan kefahaman tentang pentingnya garis panduan ini demi menjaga agama dan akidah umat Islam tanpa menjaskankan keharmonian masyarakat yang berbilang bangsa dan agama di Malaysia.

Kajian Literatur

Kategori Umat Islam Dalam Penguasaan Ilmu Agama

Apabila kita bincangkan tentang kepentingan garis panduan menghadiri majlis, aktiviti dan program orang bukan Islam, maka ia berkait rapat dengan kategori umat Islam yang berbeza dalam menguasai ilmu dan ajaran Islam (N. Ismail, Zain, & Nasiruddin, 2022). Oleh itu, dalam penguasaan ilmu agama, umat Islam dapat dikategorikan kepada beberapa tahap berdasarkan pemahaman dan pengamalan mereka terhadap ajaran Islam. Berikut adalah beberapa kategori utama iaitu:

1. Ulamak dan Cendekiawan Islam

Golongan ini memiliki pemahaman agama yang mendalam dan menjadi pakar rujuk dalam masyarakat. Ini kerana mereka menguasai perbagai disiplin ilmu seperti

Akidah, Tafsir, Hadis, Fiqh, Usul Fiqh, dan lain-lain (Jamil & Osman, 2024). Sekiranya timbul isu dan persoalan keagamaan dalam masyarakat, maka mereka adalah orang yang akan dirujuk. Antara contoh ulamak ialah Imam Mazhab iaitu Imam Syafi'i, Maliki, Hanafi dan Hanbali, para Ulamak, cendekiawan, mufassir, muhaddith, dan faqih (Adnan, Mustaffa, & Abd Halim, 2022).

2. Pelajar dan Penuntut Ilmu Agama

Golongan pelajar agama adalah mereka yang masih dalam proses menuntut ilmu agama di institusi-institusi pengajian seperti madrasah, pondok, kolej dan universiti (Azhari & Mustapa, 2021). Dalam hal ini, mereka mempelajari kitab-kitab Turath, klasik dan moden dalam pelbagai bidang. Di samping itu, mereka mampu memahami, menghayati dan mengajarkan ilmu agama kepada orang lain.

3. Da'i atau Pendakwah

Golongan ini menjalankan peranan untuk berdakwah dan menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat (Badlihisham, Yasin, & Ab Ghani, 2023). Dalam hal ini, mereka mungkin datang dari kalangan ulamak atau orang awam yang memiliki pemahaman agama yang baik. Dengan itu, mereka mampu menyampaikan ilmu dengan bahasa yang mudah dipahami oleh anggota masyarakat.

4. Orang Islam Awam

Mereka adalah golongan yang memiliki pemahaman agama secara umum, tetapi tidak mendalam (Rasam, 2021). Dengan itu, pelaksanaan ajaran Islam dalam kehidupan mereka sehari-hari adalah berdasarkan bimbingan ulamak. Oleh itu, mereka sangat memerlukan panduan dan nasihat keagamaan dari para ulamak dan ilmuan Islam. Selain itu, ada di antara mereka yang belum memiliki pemahaman yang cukup tentang ajaran Islam. Hal ini mungkin disebabkan oleh didikan agama yang kurang atau cabaran persekitaran. Dengan itu, bagi golongan ini, mereka sangat memerlukan bimbingan dan panduan untuk lebih memahami ajaran agama dan seterusnya mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian.

Walau bagaimanapun, kategori di atas tidak bersifat statik dan mutlak. Hal ini demikian kerana setiap individu boleh berpindah status daripada satu kategori ke satu kategori yang lain seiring dengan perubahan masa dan peningkatan usahanya dalam menimba ilmu. Dalam hal ini, Islam sangat menggalakkan umatnya untuk terus belajar dan berjihad mencari ilmu kerana Allah supaya dapat memahami dan mengamalkan ajaran agama secara efisien dan menyeluruh (Mohamad, Alwi, & Sulaiman, 2022). Perkara ini dijelaskan dalam hadis Rasulullah SAW. yang bermaksud:

"Barang siapa yang menempuh jalan untuk mencari ilmu, maka Allah akan memudahkan baginya jalan ke syurga."

(HR. Muslim)

Melihat kepada kategori ini, dapat difahami bahawa masih terdapat golongan khususnya masyarakat awam yang memerlukan bimbingan dan garis panduan untuk mengamalkan ajaran Islam dengan betul kerana kekurangan ilmu (Aris, 2022). Jika tiada garis panduan, mereka mungkin menganggap semua perkara dibolehkan kerana bertujuan baik untuk memeriahkan

contohnya dengan menghadiri upacara keagamaan bukan Islam. Sebelum ini, tular di media sosial berkaitan sekumpulan remaja Islam yang menyertai perarakan Thaipusam. Ini jelas menunjukkan bahawa mereka tidak memahami hukum hakam agama kerana perayaan Thaipusam adalah perayaan keagamaan dan umat Islam dilarang menyertainya. Dalam hal ini, kadangkala mereka masih keliru dan tidak mengetahui majlis orang bukan Islam yang manakah yang mereka dilarang meghadirinya. Oleh itu, pihak berautoriti seperti JAKIM boleh membantu menyediakan garis panduan agar mereka tidak tersasar melakukan sesuatu yang boleh menjelaskan akidah.

Kepentingan Garis Panduan Bagi Orang Islam Dalam Menghadiri Majlis Orang Bukan Islam

Jika ditanya adakah umat Islam boleh menghadiri perarakan Thaipusam? Adakah mereka boleh menyertai sambutan Krismas? Adakah orang Islam dibenarkan menyertai sambutan hari Wesak? Apakah hukum terlibat dalam acara Yee Sang? Maka pasti ada sesetengah umat Islam tidak mengetahui dan tidak jelas tentang hukum yang berkaitan. Oleh kerana itu, garis panduan bagi umat Islam dalam menghadiri majlis masyarakat bukan Islam sangat penting bagi memastikan keseimbangan antara menjaga akidah dan memelihara keharmonian masyarakat. Adalah tidak tepat jika menganggap semua orang tahu, faham dan mampu menjaga batas-batas agama tanpa sebarang garis panduan. Sebaliknya, dengan adanya panduan yang jelas, umat Islam dapat mengetahui sama ada boleh menghadiri sesuatu majlis orang bukan Islam atau tidak. Dalam hal ini, garis panduan bersifat melindungi orang Islam daripada melampaui batas agama tanpa mengenepikan sikap saling hormat menghormati dan menjaga keharmonian masyarakat majmuk (Razak & RASHID, 2021). Malahan sikap toleransi yang berlandaskan ajaran Islam akan membantu mengekalkan semangat perpaduan dan kestabilan negara serta memperkuuhkan hubungan antara kaum dan agama di Malaysia (Saiman, 2023). Oleh itu, umat Islam perlu sentiasa berpegang kepada garis panduan yang telah ditetapkan agar keharmonian dan perpaduan dalam masyarakat dapat terus terpelihara. Kepentingan garis panduan ini adalah berdasarkan tujuan-tujuan berikut:

1. Memelihara Akidah Umat Islam

Ini merupakan tujuan yang paling utama. Garis panduan berperanan sebagai rujukan bagi umat Islam agar tidak terlibat dalam sebarang unsur yang boleh menjelaskan akidah. Islam mengajar penganutnya untuk menghormati penganut agama lain, tetapi pada masa yang sama, umat Islam perlu memastikan bahawa kehadiran mereka dalam majlis tersebut tidak membawa kepada perbuatan syirik atau bercanggah dengan ajaran Islam. Contohnya, umat Islam harus mengelakkan diri daripada menyertai upacara keagamaan seperti penyembahan berhala atau ritual keagamaan yang bertentangan dengan tauhid kerana perbuatan ini menjelaskan akidah mereka (Langoday & Sali, 2025).

2. Mengelakkan Kekeliruan dan Fitnah Kepada Agama

Tanpa garis panduan yang jelas, umat Islam mungkin menghadapi kekeliruan tentang batas-batas yang dibenarkan dalam menghadiri majlis masyarakat bukan Islam. Ini boleh menyebabkan salah faham dalam kalangan umat Islam sendiri atau menimbulkan fitnah dalam kalangan bukan Islam. Sebagai contoh, jika seorang Muslim terlibat dalam ritual keagamaan agama lain, tindakan ini boleh disalah tafsir sebagai menerima atau mengamalkan ajaran agama tersebut (Ramdhani et al., 2022).

Oleh itu, garis panduan yang jelas dapat membantu mengelakkan kekeliruan dan memastikan bahawa kehadiran umat Islam dalam majlis sedemikian adalah atas dasar sosial dan bukan keagamaan.

3. Menjalin keharmonian Antara Masyarakat Pelbagai Agama dan Budaya

Masyarakat majmuk memerlukan sikap saling menghormati dan memahami antara satu sama lain (Aziz, 2022). Dengan adanya garis panduan yang jelas, umat Islam dapat menghadiri majlis masyarakat bukan Islam dengan penuh keyakinan tanpa rasa was-was. Ini membolehkan berlakunya interaksi sosial yang lebih erat serta membina kepercayaan antara kaum dan agama. Kehadiran dalam majlis tersebut, jika dilakukan dengan cara yang betul, dapat mengukuhkan nilai perpaduan serta menunjukkan sikap toleransi umat Islam terhadap penganut agama lain. Namun, jika kehadiran orang Islam boleh menimbulkan fitnah kepada diri dan agama, maka menjadi kewajipan umat Islam untuk menghindarinya.

4. Menjaga Adab dan Akhlak Ketika Menghadiri Majlis Orang Bukan Islam

Umat Islam perlu menunjukkan adab dan akhlak yang baik dalam setiap aspek kehidupan, termasuk ketika menghadiri majlis masyarakat bukan Islam (Fithri, 2024). Oleh itu, garis panduan yang jelas akan membolehkan mereka menjaga adab dan akhlak yang mulia, seperti berpakaian sopan, menjaga pergaulan, dan mengelakkan makanan atau minuman yang haram. Dengan berbuat demikian, umat Islam bukan sahaja dapat mengekalkan identiti mereka tetapi juga menunjukkan keindahan Islam kepada masyarakat bukan Islam. Seterusnya, sikap toleransi yang ditunjukkan dengan berpegang teguh kepada prinsip agama akan meningkatkan penghormatan dan kefahaman antara penganut pelbagai agama (Syarieff, Yusuf, & Tang, 2023).

Kepentingan Menjaga Akidah Menurut Islam

Garis panduan yang dinyatakan di atas sangat penting kerana berkait rapat dengan penjagaan akidah. Akidah merupakan asas utama dalam kehidupan seorang Muslim. Ia merujuk kepada kepercayaan dan keyakinan yang kukuh terhadap Allah SWT, keesaan-Nya, kerasulan Nabi Muhammad SAW, kitab-kitab Allah, Malaikat, hari Kiamat, serta Qada' dan Qadar (Muqoffa & Nasoha, 2022). Oleh itu, memelihara akidah adalah tanggungjawab setiap Muslim kerana ia menjadi asas keimanan kepada Tuhan. Dengan kata lain, akidah merupakan asas utama dalam Islam yang menentukan keimanan dan keislaman seseorang. Memelihara akidah amat penting kerana ia menjadi tunjang kepada kehidupan Muslim dan menentukan kesejahteraan di dunia serta keselamatan di akhirat (Awang Ahmad, Towpek, & Abdul Kadir, 2022). Kepentingan menjaga akidah adalah mencakupi perkara-perkara berikut:

1. Akidah Adalah Asas Keimanan

Akidah yang benar adalah syarat utama seseorang individu diterima sebagai Muslim (Nurjaman, 2020). Tanpa akidah yang kukuh, ibadah dan amalan seseorang tidak akan diterima oleh Allah SWT. (Zurita & Alwi, 2022). Ini ditegaskan dalam firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah, ayat 2:

"Kitab (Al-Quran) ini tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi mereka yang bertakwa."

Ayat ini menunjukkan bahawa iman dan ketakwaan hanya dapat dibentuk dengan keyakinan yang kukuh terhadap ajaran Islam. Oleh itu, memelihara akidah bermaksud memastikan kepercayaan seseorang selari dengan ajaran yang telah disampaikan oleh Rasulullah SAW. Ini kerana kepercayaan kepada keesaan Allah dan kebenaran Islam akan membentuk cara hidup yang berpaksikan syariat. Selain itu, akidah yang kukuh memastikan seseorang Muslim berpegang teguh kepada ajaran Islam walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan dalam kehidupan.

2. Menjaga Hubungan Dengan Allah

Akidah yang benar memastikan seseorang Muslim sentiasa menjaga hubungannya dengan Allah SWT melalui ibadah seperti solat, puasa, sedekah, doa dan zikir. Dengan kepercayaan yang teguh kepada Allah, seseorang itu akan sentiasa bergantung harap kepada-Nya dalam setiap aspek kehidupan (Nugroho, 2023). Keadaan ini akan memberikan ketenangan jiwa dan keyakinan dalam menghadapi apa sahaja cabaran dalam kehidupan.

3. Menghindari Syirik dan Ajaran Sesat

Memelihara akidah amat penting untuk mengelakkan seseorang terjerumus ke dalam ajaran sesat yang bertentangan dengan Islam. Dalam hal ini, Islam melarang keras perbuatan syirik, iaitu menyekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, kerana ia merupakan dosa paling besar yang tidak akan diampuni jika seseorang meninggal dunia tanpa bertaubat (Karlina, bin Junaid, & Tahir, 2024). Oleh itu, dengan memiliki akidah yang benar, seseorang dapat mengenal pasti ajaran yang menyimpang dan menjauhinya.

4. Melahirkan Muslim Yang Taat dan Berakhhlak Mahmudah

Akidah yang kukuh dan benar akan melahirkan individu yang bertaqwah, taat dan patut kepada perintah Allah SWT serta berakhhlak mulia (Jarbi, 2021). Ini kerana keimanan yang teguh menjadikan seseorang lebih bertanggungjawab dalam setiap perbuatan kerana mereka sedar bahawa Allah Maha Melihat segala yang dilakukan. Ini seterusnya akan melahirkan masyarakat yang berakhhlak mulia, jujur, amanah, dan bertanggungjawab.

5. Memelihara Kesatuan Umat Islam

Salah satu faktor yang menyumbang kepada perpecahan dalam kalangan umat Islam ialah perbezaan akidah dan fahaman yang bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar (Senin, Misra, & Ismail, 2021). Apabila umat Islam berpegang kepada akidah yang benar, mereka akan bersatu dalam satu pegangan yang sama, sekaligus akan mengukuhkan perpaduan dan mengelakkan perpecahan yang boleh merosakkan kesatuan ummah.

6. Jaminan Kesejahteraan dan Keselamatan Dunia dan Akhirat

Memelihara akidah bukan sahaja penting untuk kehidupan dunia, tetapi juga bagi memastikan keselamatan di akhirat. Hal ini demikian kerana keimanan yang benar akan membawa seseorang ke syurga, manakala kepercayaan yang menyimpang boleh membawa kepada azab neraka (Sudianto, 2024). Oleh itu,

setiap Muslim wajib memastikan akidah mereka sentiasa terpelihara agar memperoleh kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Kepentingan Menjaga Agama Berdasarkan Maqasid Syariah

Menjaga agama bukan perkara kecil yang boleh dipandang remeh. Malahan kepentingan menjaga agama ini terkandung dalam Maqasid Syariah. Maqasid Syariah merujuk kepada objektif atau matlamat utama yang ingin dicapai oleh syariat Islam dalam memastikan kesejahteraan hidup manusia di dunia dan akhirat (A. N. Z. B. A. Ahmad, Towpek, & Kadir, 2021). Lima prinsip utama dalam Maqasid Syariah ialah menjaga agama (*hifz ad-din*), menjaga nyawa (*hifz an-nafs*), menjaga akal (*hifz al-aql*), menjaga keturunan (*hifz an-nasl*), dan menjaga harta (*hifz al-mal*). Dalam hierarki keutamaan, menjaga agama berada di kedudukan paling utama kerana ia merupakan asas kepada kehidupan seorang Muslim (Harun & Ali, 2021).

Dalam hal ini, menjaga agama bermaksud memastikan ajaran Islam terus diamalkan dan dipertahankan dalam kehidupan individu serta masyarakat (Sahid, Amar, & Chaedar, 2024). Ini kerana dengan mematuhi perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya, seseorang Muslim dapat menjalani kehidupan yang direndai dan mencapai kebahagiaan hakiki. Selain itu, menjaga agama juga bermaksud memastikan akidah umat Islam tetap utuh dan tidak terpengaruh dengan ajaran sesat atau ideologi yang bertentangan dengan Islam. Ini termasuk menjauhkan diri daripada syirik, bidaah yang menyesatkan, fahaman liberalisme serta sekularisme yang boleh menggugat keimanan (Yusof, 2021). Di samping itu, menjaga agama dapat menghindarkan masyarakat daripada terjerumus dalam gejala negatif seperti keruntuhan akhlak, jenayah, dan kemusnahan nilai moral (Saiful, Long, & Badaruddin, 2021).

Syariat Islam bertujuan untuk membimbing manusia ke arah kehidupan yang aman dan sejahtera. Oleh itu, menjaga agama dalam konteks Maqasid Syariah juga melibatkan usaha menegakkan hukum-hukum Islam dalam kehidupan sehari-hari. Ini termasuk kewajipan menunaikan solat, berpuasa, membayar zakat, serta menjauhi perkara-perkara yang diharamkan seperti riba, zina, dan judi (Rusyad, 2020). Selain itu, agama Islam menganjurkan nilai-nilai murni seperti kejujuran, keadilan, tolong-menolong, dan kasih sayang sesama manusia (Faisal, 2024). Dengan menjaga agama, individu akan membentuk peribadi yang baik, sekali gus menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Islam juga menggalakkan hubungan yang harmoni antara umat Islam dan penganut agama lain berdasarkan prinsip toleransi dan hormat-menghormati.

Tujuan menjaga agama bukan terhad kepada kesejahteraan hidup di dunia, tetapi juga menentukan kebahagiaan di akhirat (Alimuddin, 2020). Islam mengajar umatnya bahawa kehidupan dunia hanyalah sementara dan setiap amalan akan dihisab di akhirat kelak. Dengan memastikan agama sentiasa terpelihara, seseorang Muslim akan mendapat kejayaan sebenar di sisi Allah dan memperoleh ganjaran syurga yang kekal abadi. Islam bukan sekadar agama, tetapi juga adalah al-Din satu cara hidup yang menyeluruh (Abu Bakar & Abu Bakar, 2021). Oleh itu, setiap Muslim bertanggungjawab untuk menegakkan dan mempertahankan agama dalam kehidupan mereka. Dengan memastikan agama sentiasa terpelihara, umat Islam dapat

mencapai kehidupan yang lebih harmoni di dunia serta memperoleh kebahagiaan yang berkekalan di akhirat.

Keperluan Sifat Berhati-hati (Warak) Dalam Tindakan Demi Menjaga Akidah

Untuk tujuan menjaga akidah, setiap umat Islam perlu mempunyai sifat warak dalam diri. Dalam kehidupan seorang Muslim, sifat berhati-hati atau warak amat penting dalam memastikan segala tindakan dan keputusan yang diambil selari dengan ajaran Islam. Warak merujuk kepada sikap berjaga-jaga dalam melakukan sesuatu perkara agar tidak terjerumus ke dalam perkara yang syubhah (meragukan) atau haram (Shaary & Harun, 2021). Dalam konteks akidah, sifat warak membantu seseorang untuk sentiasa berada di atas jalan yang benar, mengelakkan diri daripada perkara yang boleh merosakkan keimanan, serta memastikan ibadah diterima oleh Allah SWT (Din & Mokhtar, 2022). Dengan itu, sifat warak sangat diperlukan kerana perkara-perkara berikut:

1. Menjauhi Perkara Syubhah

Islam mengajar umatnya supaya menjauhi perkara yang meragukan atau tidak jelas hukumnya (Wahidi, 2014). Rasulullah SAW bersabda:

"Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas, dan di antara keduanya terdapat perkara-perkara syubhah yang tidak diketahui oleh kebanyakan manusia. Maka, sesiapa yang menjaga dirinya daripada perkara syubhah, sesungguhnya dia telah membersihkan agama dan maruahnya." (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Di sini dapat difahami bahawa sifat warak membantu seseorang untuk lebih berhati-hati dalam setiap aspek kehidupan, termasuk dalam memilih makanan, pekerjaan, pergaulan, dan tindakan yang melibatkan kepercayaan atau amalan agama (Salleh & Ramean, 2023). Dengan mengelakkan perkara syubhah, seseorang dapat memastikan bahawa akidah dan amalan mereka tetap berada dalam lingkungan yang direndai oleh Allah SWT.

2. Menjaga Kesucian Akidah Dari Anasir Yang Merosakkan

Dalam dunia yang semakin kompleks, pelbagai ideologi dan fahaman yang bertentangan dengan Islam semakin berkembang, seperti sekularisme, liberalisme, pluralisme agama, dan ateisme (Fuad, Salleh, & Ismail, 2023). Terdapat sesetengah pihak yang berpandangan semua agama adalah sama dan ini merupakan pluralisme agama yang perlu dijauhi oleh umat Islam. Dalam hal ini, sifat warak mengajar seseorang untuk lebih berhati-hati dalam menerima maklumat, menilai ideologi baru, dan menapis sebarang pemikiran yang boleh menggugat akidah Islam. Dengan bersikap warak, seorang Muslim tidak mudah terpengaruh dengan fahaman yang boleh menjelaskan keimanan kepada Allah SWT.

3. Menjauhi Amalan Syirik dan Bid'ah

Warak juga sangat penting dalam memastikan seseorang tidak terjerumus ke dalam amalan bid'ah iaitu perkara yang direka-reka dalam agama tanpa dalil

sahih dan syirik iaitu menyekutukan Allah SWT. (Al-Azhari, 2021). Kedua-dua perkara ini amat berbahaya kerana ia boleh merosakkan akidah dan menyebabkan seseorang terkeluar daripada Islam.

Firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa', ayat 48:

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik, dan Dia mengampunkan segala dosa yang selain daripadanya bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya."

Oleh itu, sikap berhati-hati amat diperlukan dalam menilai amalan yang dilakukan agar ia benar-benar berpandukan kepada Al-Quran dan Sunnah.

4. Mengukuhkan Keimanan dan Ketaqwaan

Seorang Muslim yang memiliki sifat warak sentiasa berhati-hati dalam setiap tindakannya kerana dia sedar bahawa setiap perbuatannya akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT. Warak melatih seseorang untuk sentiasa menilai baik dan buruk sesuatu perkara sebelum melakukannya. Sifat ini juga menjadikan seseorang lebih bertakwa, kerana dia sentiasa mengutamakan keredaan Allah berbanding kepentingan dunia (Mutaqin, 2022).

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Hasyr, ayat 18:

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah, dan hendaklah setiap diri memperhatikan apa yang telah diperbuatnya untuk hari esok (akhirat)." Dengan sifat warak, seseorang akan lebih berhati-hati dalam menjaga setiap amalan dan perbuatannya agar tidak menjelaskan keimanan dan ketakwaannya kepada Allah.

5. Menghindari Pengaruh Buruk Dalam Pergaulan

Dalam kehidupan bermasyarakat, seseorang sering terdedah kepada pelbagai bentuk pengaruh, sama ada dari rakan, agama lain, media sosial, atau budaya luar (Kirman, Hassan, Anwar, Khir, & Jaafar, 2021). Dalam hal ini, sikap warak membantu seseorang untuk memilih pergaulan yang baik, mengenalpasti baik dan buruk serta mengelakkan diri daripada persekitaran yang boleh merosakkan akidah.

Dengan kata lain, sifat berhati-hati atau warak merupakan satu ciri penting dalam diri seorang Muslim bagi memastikan akidahnya sentiasa terpelihara. Dengan bersikap warak, seseorang akan lebih peka terhadap perkara yang boleh merosakkan keimanan, menjauhkan diri daripada perkara syubhah dan haram, serta memastikan setiap tindakan yang diambil selaras dengan ajaran Islam (S. N. Ismail & Latiff, 2020). Sifat ini bukan sahaja menjamin keselamatan di dunia, tetapi juga membawa kepada kejayaan di akhirat. Oleh itu, umat Islam perlu sentiasa mengamalkan sifat warak dalam setiap aspek kehidupan agar akidah mereka kekal kukuh dan terpelihara serta direndai oleh Allah SWT.

Implikasi Tindakan Membelakangkan Ajaran Agama Atas Nama Toleransi

Toleransi dalam Islam adalah satu nilai murni yang menggalakkan keharmonian dan sikap saling menghormati antara masyarakat pelbagai agama dan budaya (Z. A. S. Ahmad, Bakar, & Rozani, 2024). Namun, toleransi mempunyai batasnya dan tidak boleh dijadikan alasan untuk membelakangkan ajaran agama. Dalam usaha menjaga keharmonian dan hubungan baik dengan pihak lain, umat Islam perlu memastikan bahawa prinsip dan nilai Islam tidak dikorbankan. Ini bermakna tindakan melampaui batas dalam toleransi, seperti menyertai ritual keagamaan lain, menghalalkan perkara yang haram, atau mengabaikan hukum Islam perlu dijauhi sama sekali kerana boleh membawa kesan buruk kepada individu dan masyarakat (Rosyad, 2021). Antara implikasi daripada tindakan umat Islam yang membelakangkan ajaran agama atas nama toleransi ialah:

1. Mengancam dan Menjejaskan Akidah

Perbuatan membelakangkan ajaran agama atas nama toleransi boleh membawa kepada perbuatan syirik atau kufur, sama ada secara sedar atau tidak. Contohnya, jika seseorang Muslim menyertai ritual keagamaan agama lain dengan alasan menghormati budaya mereka, tindakan ini boleh menggugat akidahnya (Z. A. S. Ahmad et al., 2024). Sepatutnya ajaran agama tidak boleh dicampuradukkan kerana agama yang direcadai Allah hanyalah Islam.

Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Kafirun, ayat 6:

"Untuk kamu agama kamu, dan untukku agamaku."

Ayat ini menegaskan bahawa Islam mengajar umatnya untuk menghormati agama lain tanpa perlu mengorbankan prinsip keimanan mereka atas alasan menjaga hati kaum lain. Oleh itu, bersikap toleran tidak bermakna seorang Muslim boleh menggadaikan akidahnya dengan menyertai amalan yang bertentangan dengan Islam.

2. Menggugat Jati Diri Umat Islam

Seterusnya, tindakan mengabaikan ajaran Islam demi menjaga hati orang lain boleh menyebabkan umat Islam kehilangan identiti dan jati diri mereka. Jika seorang Muslim terlalu mengikut budaya luar tanpa menyaring nilai-nilai yang bercanggah dengan Islam, lama-kelamaan dia akan cenderung untuk mengabaikan prinsip agamanya (Nafis, 2020).

Sebagai contoh, seseorang yang terlalu ingin diterima oleh masyarakat lain mungkin akan mengamalkan cara hidup yang bertentangan dengan Islam, seperti melakukan ritual agama lain, berpakaian tidak sopan, menyertai majlis yang menghidangkan arak, atau bergaul bebas tanpa batas. Akhirnya, nilai Islam dalam diri semakin pudar, dan dibimbangi generasi akan datang mungkin tidak lagi memahami kepentingan menegakkan ajaran Islam dalam kehidupan.

3. Kesan Negatif Terhadap Amalan Agama dan Ibadah

Apabila seseorang terlalu bertoleransi hingga mengabaikan ajaran Islam, ia boleh memberi kesan kepada ibadah dan amalan hariannya. Sebagai contoh, seseorang yang terlalu mengutamakan keharmonian sosial mungkin akan mengabaikan solat, berkompromi dalam pemakanan halal, atau menganggap semua agama adalah sama (Maula, 2023). Sikap seperti ini boleh membawa kepada pemikiran liberalisme dan pluralisme yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah, ayat 2:

"Kitab (Al-Quran) ini tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi mereka yang bertakwa."

Ayat ini mengingatkan umat Islam supaya berpegang teguh kepada ajaran Islam dan menjadikan al-Quran sebagai panduan agar tidak menyimpang dari jalan kebenaran.

4. Mewujudkan Kegusaran dan Kekeliruan Dalam Kalangan Umat Islam

Apabila umat Islam membelakangkan ajaran agama atas nama toleransi, ia boleh menyebabkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat, terutamanya generasi muda (Ghani, Rahim, Osman, & Rasit, 2023). Mereka mungkin beranggapan bahawa tidak mengapa untuk mencampuradukkan ajaran Islam dengan budaya dan kepercayaan lain, asalkan ia membawa kepada keharmonian.

Sebagai contoh, jika pemimpin atau tokoh masyarakat Islam sendiri bersikap terlalu terbuka sehingga menyertai upacara keagamaan lain atau meraikan perkara yang bertentangan dengan Islam, masyarakat akan mula menormalisasikan perbuatan ini sebagai sesuatu yang biasa. Akhirnya, batas antara yang benar dan salah menjadi kabur, dan ini boleh membawa kepada perpecahan dalam kalangan umat Islam sendiri.

5. Menyebarluaskan Keraguan Terhadap Hukum Islam

Apabila seseorang sering membelakangkan ajaran Islam atas nama toleransi, lama-kelamaan dia mungkin akan meragui hukum Islam dalam kehidupan moden dan beranggapan bahawa ajaran Islam terlalu ketat atau tidak sesuai dengan zaman sekarang (Mahmud, Paat, & Lesawengen, 2020). Sikap seperti ini boleh membawa kepada pemikiran sekularisme, yang mana agama dipisahkan dari segala aspek kehidupan.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Ma''idah, ayat 3:

"Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku ke atas kamu, dan Aku telah redakan Islam sebagai agama kamu."

Ayat ini menunjukkan bahawa Islam sudah lengkap dan tidak perlu diubahsuai demi menyesuaikan diri dengan budaya atau kepercayaan lain. Oleh itu, umat Islam sepatutnya berbangga menjadi orang Islam dan berhati-hati supaya kepercayaan mereka terhadap kesempurnaan Islam tidak terhakis.

6. Mengundang Kemurkaan Allah dan Rasul Serta Azab Di Akhirat

Islam mengajar umatnya supaya sentiasa taat kepada perintah Allah SWT dan menjauhi perkara yang dilarang. Oleh itu, meninggalkan ajaran Islam demi menjaga hati manusia boleh membawa kepada kemurkaan Allah dan balasan buruk di akhirat (Mydin, Shukri, & Razak, 2020).

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Ahzab, ayat 36:

"Dan tidaklah patut bagi seorang lelaki yang beriman dan tidak (pula) bagi seorang perempuan yang beriman, apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan suatu ketetapan, akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) tentang urusan mereka."

Ayat ini menegaskan bahawa kewajipan seorang Muslim adalah mentaati perintah Allah dan Rasul, bukan tunduk kepada kehendak manusia yang menyalahi agama. Oleh itu, umat Islam perlu memastikan bahawa segala tindakan mereka selari dengan ajaran Islam agar tidak tergolong dalam golongan yang dimurkai Allah.

Yang pasti, menjaga akidah dan agama Islam perlu menjadi keutamaan umat Islam dalam merealisasikan sifat toleransi beragama dan keharmonian kaum di Malaysia.

Kesimpulan

Bertoleransi untuk mewujudkan keharmonian masyarakat berbilang bangsa dan agama sangat diraikan dalam Islam namun ada batas-batasnya yang perlu dihormati. Ini kerana toleransi yang melampaui batas hingga membelakangkan ajaran Islam boleh membawa implikasi buruk kepada akidah, ibadah, dan jati diri umat Islam. Oleh itu, umat Islam perlu bersikap berhati-hati dalam menjaga hubungan dengan pihak lain tanpa mengorbankan prinsip dan nilai Islam. Dalam hal ini, dapat disimpulkan bahawa toleransi yang sebenar adalah dengan menghormati kepercayaan orang lain tanpa perlu menggadaikan akidah dan ajaran Islam yang mulia yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Oleh itu, jelaslah bahawa satu garis panduan dalam menghadiri majlis masyarakat bukan Islam amat diperlukan sebagai rujukan umat Islam. Ini perlu dilakukan bagi mengukuhkan pengetahuan dan kefahaman umat Islam di samping memastikan mereka tidak terlibat dalam aktiviti yang boleh menjelaskan akidah serta mencemarkan kesucian agama Islam.

Rujukan

- Abu Bakar, S., & Abu Bakar, A. Y. (2021). *Tasawwur Islam*.
- Adnan, I., Mustaffa, M., & Abd Halim, I. (2022). Perkembangan Aliran al-Ra'yi dan al-Hadīth Serta Usaha Pembentukan Mazhab Fiqh Kontemporer. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 3(1), 203-220.
- Ahmad, A. N. Z. B. A., Towpek, H. B., & Kadir, A. R. B. A. (2021). Kesejahteraan Keluarga Menurut Maqasid Syariah Dalam Konteks Masyarakat Majmuk Di Sarawak: Satu Tinjauan Awal. *Azka International Journal of Zakat & Social Finance*, 163-185.
- Ahmad, Z. A. S., Bakar, S. A., & Rozani, M. A. S. (2024). Peranan Buku Tafsir Quran untuk Kanak-Kanak Bergambar dalam Memupuk Toleransi Beragama dan Keharmonian Sosial: Analisis Terhadap Surah Al-Kāfirūn: The Role of Quran Interpretation Books for Children with Illustrations in Fostering Religious Tolerance and Social Harmony: Analysis of Surah Al-Kāfirūn. *Jurnal Pengajian Islam*, 17(2), 126-139.
- Al-Azhari, B. I. (2021). *Hakikat Tauhid Ahli Al-Sunnah Wa Al-Jamaah*: PTS Publishing House Sdn. Bhd.
- Alimuddin, A. (2020). Etika Produksi Dalam Pandangan Maqasid Syariah. *Nizham: Jurnal Studi Keislaman*, 8(01), 113-124.
- Aris, A. (2022). Ilmu Pendidikan Islam. In: Penerbit Yayasan Wiyata Bestari Samasta.
- Awang Ahmad, A. N. Z., Towpek, H., & Abdul Kadir, A. R. (2022). Kepentingan siasah syar'iyyah untuk membentuk dasar kesejahteraan keluarga dalam negara bermasyarakat majmuk. *e-Journal of Islamic Thought and Understanding (e-JITU)*, 1, 44-63.
- Azhari, D. S., & Mustapa, M. (2021). Konsep Pendidikan Islam Menurut Imam Al-Ghazali. *Jurnal Review Pendidikan dan Pengajaran (JRPP)*, 4(2), 271-278.
- Aziz, E. A. (2022). Potensi Dialog dalam Memperkasa Agenda ‘Keluarga Malaysia’: Satu Analisis. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 4(1), 42-49.
- Badlihisham, N. S., Yasin, R., & Ab Ghani, S. (2023). Peranan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) dalam Dakwah Akidah Terhadap Anak-Anak Mualaf: Satu Penelitian: The Role of Information and Communication Technology in Guiding The Faith of Muslim Convert Children: A Research Study. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(2), 153-167.
- Din, M. S., & Mokhtar, A. I. (2022). Pelaksanaan Konsep Amar Makruf Nahi Mungkar dalam Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM): Implementation of The Concept of Amar Makruf Nahi Mungkar in The Malaysian Islamic Consumer Association (PPIM). *Jurnal Pengajian Islam*, 15(1), 171-186.
- Faisal, M. (2024). Pendidikan Agama Islam Sebagai Upaya Membentuk Akhlak Siswa. *Religion: Jurnal Agama, Sosial, dan Budaya*, 3(3), 152-167.
- Fithri, R. (2024). Tantangan Pendidikan Anak Di Era Modern: Perspektif Islam dan Solusi. *Jurnal Pendidikan Yayasan Pendidikan Agama Islam Rengat*, 1(2).
- Fuad, N. S., Salleh, N., & Ismail, I. (2023). Gejala Ateis Melayu Dan Hubungannya Dengan Ideologi Liberalisme. *Al-Hikmah*, 15(1), 47-65.
- Ghani, M. Z. A., Rahim, N. N., Osman, K., & Rasit, R. M. (2023). Parameter Penulisan Wasatiyyah Pendakwah untuk Menangani Ekstremis Melayu Muslim Menerusi Media Sosial. *Islamiyat*, 45(1), 161-172.
- Harun, H. B., & Ali, H. (2021). *Konsep Hifz an-Nafs (Pemeliharaan Nyawa) Berdasarkan Maqasid Shariah dalam Menghadapi Pandemik Covid-19*. Paper presented at the International Conference On Syariah & Law2021 (ICONSYAL 2021)-Online Conference,(hlm. 57-70). Didapatkan Julai.
- Ismail, N., Zain, A. E. M., & Nasiruddin, N. (2022). Tahap Kefahaman Mahasiswa di Negeri Selangor Terhadap Isu dalam Ilmu Perbandingan Agama: The Level of Understanding

- among Students in Selangor on the Issues in Comparative Religion. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(2), 134-154.
- Ismail, S. N., & Latiff, D. I. A. (2020). *Islamisasi Media* (UiTM Press): UiTM Press.
- Jamil, F. H., & Osman, U. K. (2024). *Sumbangan Ulama Dan Penyebaran Dakwah Di Pahang*. Paper presented at the Prosiding Seminar Dakwah & Wahdah al-Ummah.
- Jarbi, M. (2021). Tanggungjawab Orang Tua Terhadap Pendidikan Anak. *Jurnal Pendais*, 3(2), 128.
- Karlina, K., bin Junaid, J., & Tahir, A. (2024). Syirik Dalam Al-Qur'an (Studi Pada Tafsir An-Nur, Karya M. Hasbi Ash-Shiddieqy). *Al-Wajid: Jurnal Ilmu Al-Quran Dan Tafsir*, 5(1).
- Kirman, N. S., Hassan, M. M., Anwar, F. H., Khir, A. M., & Jaafar, W. M. W. (2021). Faktor Sosialisasi dalam Mempengaruhi Tingkah Laku Individu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 106-118.
- Langoday, N. N., & Sali, J. M. (2025). Perspektif Hukum Islam dalam Ritual Nawu Nu Majé: Penelitian di Desa Petuntawa dan Riangbao, Kecamatan Ile Ape, Kabupaten Lembata NTT. *Al-Fikru Jurnal Pemikiran Hukum Islam*, 1(1), 32-43.
- Mahmud, Y., Paat, C. J., & Lesawengen, L. (2020). Jilbab Sebagai Gaya Hidup Wanita Modern di Kalangan Mahasiswa Fakultas Ilmu Sosial dan Politik Universitas Sam Ratulangi. *HOLISTIK, Journal of Social and Culture*.
- Maula, A. N. (2023). *Pendidikan Moderasi Beragama*: Penerbit P4I.
- Mohamad, M. F., Alwi, E. A. Z. E., & Sulaiman, R. (2022). Sumbangan Za'ba terhadap Kesedaran Agama Islam dan Pendidikan di Kelantan melalui Majalah Pengasuh antara Tahun 1918 Hingga 1919. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri*, 23(3), 14-29.
- Muqoffa, M., & Nasoha, A. M. M. (2022). *Kandungan Materi Pendidikan Tauhid Dalam Kitab Ghoyatul Muna Karya Syekh Dr. Muhammad Bin Ali Ba'athiyah*. UIN Raden Mas Said,
- Mutaqin, M. Z. (2022). Konsep sabar dalam belajar dan implikasinya terhadap pendidikan Islam. *Journal of Islamic Education: The Teacher of Civilization*, 3(1).
- Mydin, S. A. H., Shukri, A. S. M., & Razak, M. A. A. (2020). Peranan akhlak dalam kehidupan: Tinjauan wacana akhlak Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri*, 21(1), 38-54.
- Nafis, A. W. (2020). Islam, Peradaban Masa Depan. *Al-Hikmah: Jurnal Ilmu Dakwah dan Pengembangan Masyarakat*, 18(2), 117-134.
- Nugroho, A. P. (2023). Mendalami Makna dan Tujuan Spiritualitas Dalam Islam. *El-Hekam*, 7(1), 139-151.
- Nurjaman, A. R. (2020). *Pendidikan Agama Islam*: Bumi Aksara.
- Ramdhani, M. A., Sapdi, R. M., Zain, M., Wahid, A., Rochman, A., Azis, I. A., . . . Anam, K. (2022). Moderasi Beragama Berlandaskan Nilai-Nilai Islam. *cendikia. kemenag. go. id (nd), accessed March, 29*.
- Rasam, R. (2021). Muhammad Abduh Dan Pemikiran-Pemikirannya. *ANSIRU PAI: Pengembangan Profesi Guru Pendidikan Agama Islam*, 5(1), 145-155.
- Razak, A. A., & RASHID, Z. M. (2021). *Bab 1: Pengenalan Penghayatan Etika dan Peradaban dalam Acuan Malaysia*: UMK Press.
- Rosyad, R. (2021). *Pengantar Psikologi Agama dalam Konteks Terapi*: Prodi S2 Studi Agama-Agama UIN Sunan Gunung Djati Bandung.
- Rusyad, D. (2020). *Ilmu Dakwah: suatu pengantar*: Abqarie Press.
- Sahid, M. M., Amar, F., & Chaedar, S. M. (2024). *Istiadat Ulangan Penghulu Luak Tanah Mengandung Mengadap Menjunjung Duli Di Negeri Sembilan: Satu Tinjauan Dari Perspektif Syarak*. Paper presented at the E-Prosiding SAIS 2024 Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2024.

- Saiful, M. S. A. A. K., Long, A. S., & Badaruddin, F. (2021). Konsep Pendidikan Akhlak dan Ciri-ciri Keistimewaanya dalam Islam [The concept of moral education and its special characteristics in Islam]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* (e-ISSN: 2600-9080), 4(1), 22-32.
- Saiman, M. Z. (2023). Manhaj Wasatiyyah dalam Membangunkan Perpaduan Nasional Negara Menurut Neraca Ahli Sunnah Wal Jamaah: Wasatiyyah Method in Developing the National Unity of the Country According to Ahli Sunnah Wal Jamaah Method. *Jurnal Usuluddin*, 51(1), 55-80.
- Salleh, N., & Ramean, M. Z. (2023). Kesan Penghayatan Ihsan terhadap Pembentukan Akhlak Remaja Islam. *Islamiyyat*, 45(2), 3-13.
- Senin, N., Misra, M. K. A., & Ismail, N. (2021). Monoteisme dalam Wacana Agama: Analisis Menurut Perspektif Islam: Monotheism in Religious Discourse: Analysis in Islamic Perspective. *Jurnal Pengajaran Islam*, 14(1), 102-117.
- Shaary, K., & Harun, M. A. W. (2021). Konsep Syubhah dalam Pemakanan: Kajian Perspektif Penerima Anugerah Keluarga Mithali (AKM) Peringkat Kebangsaan. *International Research Journal Of Shariah, Muamalat And Islam (IRJSMI)*, 3(6), 26-37.
- Sudianto, A. (2024). Gulūl: Analisis Konsep Korupsi Dalam Alquran. *El-Wasathy: Journal of Islamic Studies*, 2(2), 311-332.
- Syarief, F., Yusuf, M., & Tang, M. (2023). Moderasi Beragama Dan Pendidikan Islam Multikultural Di Kota Makassar. *Al-Hikmah: Jurnal Studi Islam*, 4(3), 19-41.
- Wahidi, R. (2014). Konsep-Konsep Dasar Pendidikan Islam Terpadu. *Al-Afkar: Manajemen pendidikan Islam*, 2(1).
- Yusof, S. A. (2021). Akhlak dalam perkembangan masyarakat Islam kontemporeri.
- Zurita, N. A. A. M., & Alwi, E. A. Z. E. (2022). Hubungan Akidah dan Akhlak dalam Pembentukan Individu Muslim di Malaysia [The Relationship of Morals and Akidah to The Formation of Muslims in Malaysia]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* (e-ISSN: 2600-9080), 5(4), 101-111.